

**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP Pengerusi Yayasan
ANGKASA**

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN
DAN ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
(IJAZAH KELAS PERTAMA DAN LULUS
CEMERLANG) PELAJAR PEMBIAYAAN
PENDIDIKAN YAYASAN ANGKASA SESI
2025/2026**

**24 JANUARI 2026 (SABTU)
9.30 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA**

BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM.

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM
SEJAHTERA.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

(SALUTASI TERKINI DILETAKKAN ATAS ROSTRUM)

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah izin-Nya jua, maka pada hari ini kita dapat berkumpul di Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Anugerah Pelajar Cemerlang (Ijazah Kelas Pertama & Lulus Cemerlang) Pelajar pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA pada pagi yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu bagi pihak Yayasan ANGKASA dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan ANGKASA, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie Bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) yang sentiasa komited menyokong program – program anjuran ANGKASA termasuk Yayasan ANGKASA.

3. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada semua koperasi serta individu yang memberi sumbangan ke Tabung Dana Pendidikan Yayasan ANGKASA, dif-dif jemputan korporat, ibu bapa/penjaga dan pelajar-pelajar yang dapat meluangkan masa hadir ke majlis yang bermakna ini.

HADIRIN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN

4. Pada hari ini, saya merasa sungguh bertuah kerana dapat bersua dengan pelajar-pelajar cemerlang (kelas pertama) pelajar Pembiayaan Pendidikan Yayasan ANGKASA. Untuk makluman pada hadirin hadirat, terdapat 26 orang pelajar mendapat anugerah Ijazah Kelas Pertama dan 4 orang mendapat anugerah Lulus Cemerlang.

5. Tahniah dan syabas diucapkan kepada yang cemerlang dan semoga kecemerlangan ini menjadi dorongan dan semangat kepada pelajar-pelajar

baharu Pembiayaan Yayasan tahun ini iaitu seramai 197 orang penerima.

6. Bagi pelajar yang mendapat tawaran, syarat-syarat kontrak perjanjian ini perlu diteliti sebaik mungkin sebelum ditandatangani. Amat penting bagi kita, seorang pelajar mematuhi perjanjian ini, terutamanya melibatkan pembayaran balik pembiayaan bagi memastikan kesinambungan tabung ini. Sekiranya terdapat kelewatan pembayaran, sudah pasti ia akan memberi impak kepada pembiayaan untuk pelajar seterusnya.

7. Saya juga menyeru, pelajar-pelajar yang menerima tajaan ini agar menggunakan kesempatan ini sebaik mungkin untuk belajar bersungguh-sungguh mencapai kelas pertama, kerana sekiranya mencapai keputusan cemerlang para pelajar tidak perlu membayar balik pembiayaan kerana ditukar kepada biasiswa. Ini adalah salah satu kemudahan yang kita tawarkan untuk pelajar yang mendapat keputusan cemerlang.

8. Yayasan ANGKASA cakna tentang kepentingan pendidikan dan komited melahirkan modal insan berkemahiran tinggi bukan sahaja untuk sektor koperasi tetapi juga untuk negara. Selain itu, ianya merupakan tanggungjawab sosial dimainkan oleh ANGKASA sebagai badan puncak kepada gerakan koperasi, khususnya anggota-anggota koperasi, anak-anak anggota koperasi, untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan Prinsip Ketujuh Koperasi, Berperihatin Terhadap Masyarakat.

PENAJAAN KHAS PELAJAR PALESTIN

9. Pada tahun ini Yayasan ANGKASA telah mengorak langkah dengan keprihatinan terhadap nilai kemanusiaan, solidariti antarabangsa dan keprihatinan sejagat di mana **Yayasan ANGKASA dengan kerjasama strategik Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) serta Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** telah melaksanakan Penajaan Khas Bagi

Pelajar Palestin. Melalui penajaan ini kami telah meluluskan 3 orang pelajar Palestin untuk ditawarkan penajaan.

10. Buat masa ini seorang pelajar bernama Saudari **Duha M. A. Alsawarka** telah ditawarkan bagi penajaan bersama bagi mengikuti pengajian **Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Cooperative Management)** di Universiti Koperasi Malaysia (UKKM).

11. Penajaan ini bukan sekadar membuka akses kepada pendidikan berkualiti tinggi malah mencerminkan peranan aktif gerakan koperasi dalam memperkasa modal insan antarabangsa serta melahirkan pemimpin masa hadapan yang berilmu, berdaya saing dan berteraskan nilai kemanusiaan serta kebersamaan sejagat.

HADIRIN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN

12. Sejak ditubuhkan pada 2000 sehingga 2025, Yayasan ANGKASA telah menaja

2,095 orang pelajar di pelbagai peringkat dan bidang pengajian dengan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM37.52 juta. Daripada jumlah itu, sebanyak RM11.97 juta ditukar kepada biasiswa.

13. Yayasan ANGKASA juga menjalankan usaha mencari dana pendidikan melalui pakej sumbangan korporat khusus bagi pihak korporat, koperasi dan syarikat yang ingin menyumbang. Segala sumbangan yang diperolehi akan dikongsi dan dipulangkan kepada ahli-ahli melalui tajaan seperti ini dan program-program lain yang dianjurkan ANGKASA khusus untuk gerakan koperasi.

14. Bagi membentuk sahsiah diri dan pembangunan modal insan pelajar tajaan Yayasan ANGKASA diberi pelbagai kursus peningkatan kemahiran diri yang mana segala kos ditanggung sepenuhnya pihak Yayasan dan pelajar diwajibkan hadir.

15. Yayasan ANGKASA bukan sahaja menyediakan pembiayaan pendidikan malah turut menitikberatkan pembangunan sahsiah dan pembentukan jati diri pelajar di samping memberikan pendedahan kerjaya serta penglibatan dalam program-program keusahawanan. Pendekatan holistik ini bertujuan melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga berintegriti berdaya saing dan bersedia menyumbang kepada masyarakat serta gerakan koperasi.

HADIRIN HADIRAT YANG DIKASIHI SEKALIAN

16. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) yang sudi bersama kita merasmikan majlis ini. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan majlis ini.

17. Saya mengharapkan pelajar-pelajar memanfaatkan peluang ini dan kembali menabur bakti kepada gerakan koperasi suatu masa nanti. Selamat Maju Jaya!

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

LAMPIRAN

Anugerah Pelajar Cemerlang (Ijazah Kelas Pertama)

Peringkat Pengajian		Bilangan Pelajar	Jumlah pembiayaan di tukar kepada Biasiswa
Sepenuh Masa	Ijazah Sarjana Muda	26	RM 267,900.00

*pelajar memperolehi biasiswa penuh

Anugerah Pelajar Lulus Cemerlang (Kategori Pengajian Jarak Jauh 'PJJ')

Peringkat Pengajian		Bilangan Pelajar	Jumlah pembiayaan
Separuh Masa	Ijazah Sarjana Muda	1	RM 17,500.00
	Ijazah Sarjana	3	RM 19,550.00
JUMLAH KESELURUHAN		4	RM 37,050.00

Jumlah Pembiayaan ditukar kepada Biasiswa bagi tahun 2025

Peringkat Pengajian		Bilangan Pelajar	Jumlah Pembiayaan ditukar kepada Biasiswa
Sepenuh Masa	Ijazah Sarjana Muda	69	RM 573,900.00

DATA STATISTIK PENGAMBILAN PELAJAR BARU SESI PENGAMBILAN 2025

Peringkat Pengajian		Permohonan Berjaya	Jumlah Pembiayaan
Sepenuh Masa	1. Ijazah Sarjana Muda	151	RM 1,800,300.00
	Jumlah	151	RM 1,800,300.00
Separuh Masa (PJJ)	1. Ijazah Sarjana Muda	9	RM 170,000.00
	2. Ijazah Sarjana (Master)	20	RM 282,900.00
	3. Doktor Falsafah (PhD)	17	RM 322,800.00
Jumlah		46	RM 522,900.00
Keseluruhan Permohonan		197	RM 2,576,000.00

DATA STATISTIK PELAJAR YAYASAN ANGKASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2025

Perkara	Bilangan Pelajar Tajaan	Jumlah Pembiayaan	Jumlah Biasiswa sehingga pengambilan 2021
2000 - 2023	1,898 pelajar	RM 34,953,735.70	

2025 (pengambilan baru)	197 pelajar	RM 2,576,000.00	RM 11,996,852.00
Jumlah Keseluruhan	2,095 pelajar	RM 37,529,735.70	